

170

BH

pelajar
ikuti

16/8

2000

pengajian di Insaniah

INSTITUT Pengajian Islam Negeri Kedah (Insaniah) membuat pengambilan 170 pelajar sulung peringkat diploma bagi sesi pengajian 2000/2001 pada 22 Mei lalu.

Pegawai Perhubungan Awamnya, Asri Abdul, berkata Kulliyyah Pengurusan iaitu pengajian baru yang diwujudkan pada sesi ini menawarkan dua program iaitu Program Diploma Pengurusan dan Program Diploma Perakaunan.

Calon yang berminat mengikuti program mesti warga Malaysia dan berumur 17 tahun pada tarikh permohonan masuk.

Setiap calon perlu memiliki kredit dalam pelajaran Bahasa Melayu, Matematik, Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab Komunikasi atau Pendidikan Al-Quran atau Al-Hadis atau Pendidikan Syariah Islamiah dan satu subjek lain serta lulus Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menurut Asri, penawaran diploma Kulliyyah Pengurusan adalah tambahan kepada program peringkat ijazah sedia ada yang ditawarkan Kulliyyah Usuluddin, Syariah dan Bahasa Arab.